

KPKT bakal laksana Reformasi Perumahan MADANI tahun depan

Lima elemen bakal pacu industri hartanah tanpa pinggir kebajikan pembeli

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Lima elemen reformasi perumahan yang akan dilaksanakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bermula 1 Januari tahun depan, bakal memacu industri hartanah negara tanpa meminggirkan kebajikan pembeli rumah.

ia antara lain akan memperkukuhkan perundangan yang melindungi industri hartanah negara, menambah baik tadbir urus dan proses serta memperkasakan pengguna dan pembeli rumah dalam risiko projek sakit.

Selain itu, Reformasi Perumahan MADANI yang dilancarkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, pagi semalam, juga bertujuan memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan, inklusif dan berdaya saing.

Kor Ming berkata, ia adalah antara usaha kerajaan melalui kementerian untuk meralisasikan sasaran sifar projek sakit dan terbengkalai menjelang 2030.

Katanya, lima elemen reformasi itu membabitkan Pementapan Perundangan iaitu terhadap Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan satu akta baharu iaitu Akta Pemajuan Harta Tanah (RPDA); Menamatkan Era Manual, Memulakan Era Digital melalui penggunaan eSPA; Sistem Pengurusan Berintegrasi Perumahan (HIMS); sistem TEDUH



Nga Kor Ming

untuk ketelusan dan Audit Akaun HDA.

“KPKT” menyelamatkan sebanyak 1,289 projek sakit dan terbengkalai. Ia adalah satu pengalaman pahit di mana kita telah menyelamatkan hampir 160,000 unit rumah termasuk dalam projek sakit sejak sekian lama.

“Ada yang sudah masuk ICU (Unit Penyelarasan Pelaksanaan). Ada yang sudah memang tidak dapat diselamatkan,” katanya pada Majlis Reformasi Perumahan MADANI, di kementeriannya semalam.

Kor Ming berkata, reformasi itu bukan semata-mata membabitkan transformasi digital dalam proses dan pelaksanaan, sebaliknya ia bertujuan untuk membina satu ekosistem perumahan yang berintegriti serta bertanggungjawab.

Katanya, apabila dilaksanakan kelak, ia akan mengubah proses

sedia ada iaitu secara manual kepada digital, manakala proses pengurusan pula daripada tertutup kepada yang lebih telus.

Antara proses yang bakal melalui pendigitalan adalah eSPA yang membolehkan Perjanjian Jual Beli dibuat secara dalam talian, selain turut merangkumi keseluruhan ekosistem transaksi kewangan industri perumahan melalui pelaksanaan HIMS.

Integrasi HIMS

Kor Ming berkata, HIMS yang asalnya diperkenalkan pada 2022, iaitu satu platform digital bersepadu yang mengawal selia seluruh kitaran hayat pembangunan perumahan, akan diintegrasikan dengan bank utama bagi memastikan setiap pengeluaran bayaran pembinaan hanya dilakukan melalui sistem diluluskan.

Beliau berkata, pendigitalan perumahan bukan sahaja membabitkan pemantauan pemaju melalui sistem HIMS, malah turut membabitkan pembeli.

Katanya, pelaksanaan sistem

TEDUH menjadi platform awam bagi pendidikan, ketelusan dan keyakinan kepada rakyat serta pihak pembiayaan kerana akan membolehkan bakal pembeli membuat semakan status lesen dan permit pemaju, melihat kemajuan sebenar projek dan membuat aduan sekiranya wujud ketidakpatuhan oleh pemaju.

Pengukuhan mekanisme kawalan pelaksanaan audit terhadap akaun Pembangunan perumahan (HAD) oleh Jabatan Perumahan Negara bagi memastikan semua wang pembeli dimasukkan ke akaun yang sah.

Beliau berkata, pemaju yang gagal berdepan tindakan akaun mereka akan dibekukan serta-merta.

“Reformasi Perumahan MADANI yang julung kali berlaku dalam negara kita sekali gus menjadikan Malaysia antara jaguh dunia yang memacu digital, transformasi digital, melindungi hak pembeli, menjaga kepentingan industri dan juga memelihara kelestarian alam sekitar,” katanya.